

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**[PONTIAN]**  
**TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 22**

**Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [ PONTIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbandingan tujuh perkara berikut pada 1 April 2018 dibanding pada 1 Oktober 2019 iaitu kadar defisit, jumlah hutang Kerajaan (tidak termasuk "*contingent liability*"), kadar inflasi, kadar pengangguran, kadar pertumbuhan KDNK, nisbah hutang Kerajaan daripada KDNK dan indeks KLSE/Bursa Malaysia. Apakah langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbandingan kadar defisit fiskal Kerajaan Persekutuan daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah dibuat secara tahunan. Ini adalah selari dengan laporan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) pada setiap tahun. Defisit fiskal Kerajaan pada 2018 berada pada paras 3.7 peratus daripada KDNK. Defisit fiskal dijangka terus berkurang kepada 3.4 peratus pada 2019 dan 3.2 peratus pada 2020 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019. Kerajaan akan terus melaksanakan langkah konsolidasi fiskal bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kukuh dan mampan dalam tempoh jangka masa sederhana dan panjang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan juga komited dalam memastikan kedudukan hutang Kerajaan adalah terkawal dan terurus, kekal di bawah paras 55 peratus daripada KDNK. Sehingga akhir-Jun 2019, hutang langsung Kerajaan Persekutuan meningkat RM73.9 bilion kepada **RM799.1 bilion** atau **52.7%** daripada KDNK. Selain hutang langsung, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung dan dibiayai Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** serta liabiliti lain seperti **bayaran pajakan kewangan**(*finance lease*) bagi tempoh 2018 - 2047 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran *finance lease* ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2047. Secara keseluruhannya, **jumlah keseluruhan**

**komitmen hutang, jaminan dan liabiliti Kerajaan** dianggarkan berjumlah **RM1.1 trilion**.

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar inflasi dalam tempoh Januari hingga Ogos 2019 pula telah berkembang secara marginal sebanyak 0.5 peratus berbanding 1.3 peratus dalam tempoh yang sama pada 2018. Kadar inflasi yang rendah terutamanya disumbangkan oleh penetapan harga RON95 dan diesel pada kadar RM2.08 dan RM2.18 sejak Mac 2019. Pada 2019, kadar inflasi diunjurkan meningkat 0.9 peratus sebahagiannya disebabkan oleh pengenaan levi pelepasan antara RM8 hingga RM150 mulai September. Inflasi dijangka berkembang 2 peratus pada 2020 terutamanya disebabkan oleh jangkaan pengenalan subsidi minyak bersasar.

Berhubung prestasi indeks Bursa Malaysia, sehingga 29 Oktober 2019, FBMKLCI mencatat penurunan sebanyak 6.7 peratus berbanding 3.8 peratus dalam tempoh yang sama pada 2018. Keadaan ini disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global serta ketidaktentuan perkembangan geopolitik. Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk merencanakan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini.

Berhubung isu pengangguran pula, sehingga Ogos 2019, kadar pengangguran kekal 3.3 peratus. Pelbagai usaha terus dijalankan oleh Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat seterusnya memastikan bilangan penganggur dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Meskipun persekitaran ekonomi dan kewangan global semakin mencabar akibat konflik perdagangan yang berpanjangan, ketegangan geopolitik serta volatiliti dalam pasaran komoditi dan kewangan global, KDNK Malaysia mencatat

## **NO SOALAN : 22**

pertumbuhan 4.7 peratus pada separuh pertama 2019 berbanding 4.9 peratus dalam tempoh yang sama pada 2018. Momentum pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus kukuh pada 2019 dan berkembang pada kadar 4.7 peratus seterusnya 4.8 peratus pada 2020 disokong oleh asas ekonomi yang kekal mapan termasuk kadar pengangguran dan inflasi yang rendah; rizab antarabangsa yang kekal tinggi; dan sistem kewangan yang kukuh. Di samping itu, diversifikasi perdagangan yang luas dari segi destinasi dan produk turut membantu meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

Di dalam Belanjawan 2020, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mengumumkan pelbagai inisiatif dan strategi untuk terus merancakkan aktiviti ekonomi dan memulihkan keyakinan pelabur. Strategi tersebut termasuk memperkukuh pengurusan fiskal dan mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan; menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik; meningkatkan peluang pekerjaan dan memodenkan pasaran buruh; menambah baik kualiti pendidikan dan latihan; demi memacu pertumbuhan masa hadapan. Inisiatif ini dijangka akan turut memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara pada 2020.